



JABATAN STANDARD MALAYSIA

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Aras 4-7, Tower 2, Menara Cyber Axis
Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor

DEPARTMENT OF STANDARDS MALAYSIA

Ministry of International Trade and Industry
Level 4-7, Tower 2, Menara Cyber Axis
Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor

STANDARDS MALAYSIA

Tel : +603-8008 2900
Fax : +603-8008 2901
E-mail : central@jism.gov.my

No. Rujukan : JSM/AD-700/02/01/12/01

Tarikh : 4 Mei 2020

**SEMUA BADAN PENSIJILAN ACB
SEMUA MAKMAL SAMM
SEMUA BADAN PEMERIKSA MIBAS
SEMUA BADAN PENGUJIAN KECEKAPAN MYPTP**

Tuan/Puan,

PENGURUSAN AKTIVITI AKREDITASI BERIKUTAN PANDEMIK WABAK COVID-19

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas dan *Accreditation Circular 1/2020 – Standards Malaysia's Precautionary Measures to Prevent Transmission of the Coronavirus (COVID-19)*.

2. Untuk makluman, Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) telah memutuskan berdasarkan situasi semasa pandemik wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti berikut:

2.1 Penangguhan penilaian yang dijadualkan pada tahun 2020

- i. Semua penilaian yang dijadualkan pada tahun 2020 boleh ditangguhkan tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh yang ditetapkan dalam jadual penilaian (*assessment programme*);
- ii. Penilaian berikutnya akan dilaksanakan seperti perancangan asal berdasarkan *assessment programme* yang ditetapkan;

2.2 Pelanjutan tarikh sahlaku sijil akreditasi

- i. Tarikh sahlaku sijil akreditasi yang tamat tempoh di antara 1 Mac sehingga 30 September 2020 akan dilanjutkan secara automatik selama tiga (3) bulan daripada tarikh tamat tempoh sijil tersebut.
- ii. Walau bagaimanapun, sijil yang akan diperbaharui kelak adalah berdasarkan tempoh sahlaku asal sijil.

3. Selain itu, Badan Penilaian Pematuhan (CAB) masih perlu mematuhi tarikh peralihan kepada standard baharu (sebagai contoh: ISO/IEC 17025:2017, MS 1480:2019) sehingga sebarang perubahan dimaklumkan kelak oleh badan penguatkuasa atau badan antarabangsa berkaitan.

4. Sehubungan itu, CAB adalah dinasihatkan untuk mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan keputusan ini bagi memastikan kelangsungan akreditasi CAB Tuan/Puan.

5. Sekiranya CAB Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila berhubung dengan pegawai akreditasi yang bertanggungjawab ke atas CAB Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



(WAN RUKIMAN BIN WAN MAMAT)

Bahagian Akreditasi
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Standard Malaysia

s.k. Penilai Standards Malaysia